

⁴⁶⁷
No. Soalan:
No. ~~470~~ PR-1332-T68472

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BERTULIS
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BERTULIS

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

SOALAN : Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
sama ada tindakan pemerintah menangkap
ratusan aktivis sosial dan oposisi selaras dengan
komitmen Malaysia terhadap Artikel 14 Piagam
ASEAN berkenaan agenda hak asasi manusia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Artikel 14 Piagam ASEAN (2007) adalah mengenai penubuhan satu badan hak asasi manusia ASEAN dalam usaha untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia di rantau ini. Hasil komitmen daripada semua Negara Anggota ASEAN, Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia, dengan izin, ASEAN *Intergovernmental Commission on Human Rights* (AICHR) telah ditubuhkan pada tahun 2009 berdasarkan Artikel 14 Piagam ASEAN.

3. AICHR kini merupakan sebahagian komponen penting dalam usaha pembinaan Komuniti ASEAN. Kejayaan AICHR dalam merangka dan memperku Pengisytiharan Hak Asasi Manusia, dengan izin, ASEAN *Human Rights Declaration* (AHRD); dan Kenyataan Phnom Penh terhadap perakuan AHRD pada 2012 telah membuktikan komitmen Malaysia bersama-sama dengan Negara Anggota ASEAN yang lain dalam membangunkan kerangka kerjasama serantau berkaitan hak asasi manusia di rantau ini.

4. Pengisytiharan AHRD adalah signifikan kerana ia melambangkan kesepakatan ASEAN ke arah mencari penyelesaian pragmatik dalam hubungan di antara negara dan rakyat berdasarkan prinsip utama iaitu hak dan tanggungjawab dengan mengambilkira keunikan, dengan izin, *peculiarities* serta kepelbagaian sejarah dan budaya sesebuah Negara Anggota ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Artikel 6 dan 8 dalam AHRD menekankan bahawa usaha mempromosi dan melindungi hak asasi manusia adalah tertakhluk kepada undang-undang domestik di setiap Negara Anggota ASEAN. Artikel tersebut juga menekankan bahawa aspek promosi dan perlindungan hak asasi manusia harus diseimbangkan dengan usaha melindungi keselamatan nasional, perintah am, dengan izin *public order*, dan keselamatan awam. Artikel tersebut juga antara lainnya menekankan aspek menghormati hak asasi manusia secara komprehensif iaitu perlindungan hak asasi manusia terhadap individu dan masyarakat secara umumnya.

6. Selaras dengan perkara-perkara di atas, Malaysia sentiasa komited dalam menggalak dan mempertahankan hak asasi manusia di peringkat domestik, serantau dan juga antarabangsa. Sebagai Pengerusi AICHR pada tahun ini, Malaysia akan berusaha untuk memainkan peranan yang lebih efektif dalam mengemudi AICHR pada tahun ini.

Sekian, terima kasih.

RT49/468

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE
KEEN [SELAYANG]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat dan prosedur murid "home schooling" dapat menduduki semua peperiksaan awam pada peringkat sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Murid yang mengikuti "home schooling" yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dikategorikan sebagai calon persendirian bagi menduduki peperiksaan awam. Oleh yang demikian, calon yang mencukupi syarat, perlu mendaftar di Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) berhampiran sebelum menduduki peperiksaan awam.